

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 97

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan pelaksanaan bangunan asrama tambahan di Sekolah Kebangsaan Bawong, Sungai Siput (U).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembinaan Asrama di SMK Bawong, Sungai Siput, Perak telah diluluskan dalam *Rolling Plan 3 RMKe-11*. Skop projek pada masa kini meliputi asrama, dewan makan, surau, padang dan lain-lain kemudahan dan berada di peringkat pra pembinaan. Untuk makluman, tapak yang dicadangkan untuk projek ini agak sempit dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang dalam peringkat rundingan pengambil alihan sebahagian tanah milik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang terletak bersebelahan tapak sekolah ini. Pelaksanaan projek ini adalah di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kerja-kerja reka bentuk serta pembinaan akan dimuktamadkan sebaik sahaja isu pengambil alihan tapak ini selesai. KPM ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak JAKOA yang prihatin terhadap perkara ini dan amat memberikan kerjasama.

Sekian, terima kasih.

RJM 116